

13/05/1997

Ketua Menteri Melaka tenat

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani (gambar kanan) dalam keadaan tenat di Hospital Tawakal di sini selepas diserang angin ahmar pagi semalam.

Ahli politik veteran Melaka, Datuk Aziz Tapa, yang melawat Mohd Zin hari ini berkata, pakar neurologi, Dr Jaswant Singh, memberitahunya Ketua Menteri Melaka itu dalam keadaan kritikal.

Mohd Zin, 56, dimasukkan ke hospital itu selepas diserang angin ahmar pada otak kiri di kediamannya di Klang Gate di sini pada 4.30 pagi semalam.

Beberapa pemimpin Umno negeri mengesahkan Ketua Menteri itu dalam keadaan kritikal selepas melawat beliau di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tawakal.

Mohd Zin dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka pada Oktober 1994 menggantikan Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik yang meletakkan jawatan.

Ramai anggota keluarga Mohd Zin, termasuk isterinya, Datin Seri Fatimah Samdin, anak-anak dan pemimpin Umno, Barisan Nasional (BN) serta kerajaan negeri kini berhimpun di hospital swasta itu.

"Apabila seseorang mempunyai darah tinggi dan diabetis, arteri dalam otak boleh putus dengan mudah," kata seorang doktor yang tidak mahu namanya disiarkan ketika ditanya mengenai keadaan Ketua Menteri itu.

"Daripada apa yang saya ketahui, ini adalah kali kedua beliau diserang angin ahmar - kali pertama pada otak kanan - jadi ia satu perkara yang serius," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Melaka berkata, Ketua Menteri boleh mendengar apa yang dicakapkan, tetapi tidak dapat menjawab.

Beliau berkata, keadaannya bertambah baik dan doktor sedang melakukan rawatan lanjut.

Menurutnya, Mohd Zin boleh menggerak-gerakkan tangannya sedikit, tetapi masih belum boleh membuka mata.

Menurutnya, pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka berjalan seperti biasa kecuali hal berkaitan dasar yang akan dirujuk kepada Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menziarah Mohd Zin pada jam 10 malam tadi selepas menghadiri majlis tahlil sempena ulang tahun ke-51 Umno. - Bernama

(END)